



TERMA DAN SYARAT

PROGRAM KIDS BOOK CLUB OLEH KIDS KARANGKRAF

1. Penganjur

Program Kids Book Club dianjurkan oleh Kids Karang kraf.

2. Kelayakan Keahlian

Program ini terbuka kepada kanak-kanak berusia 4 hingga 12 tahun.

Penyertaan mestilah dengan kebenaran dan pemantauan ibu bapa atau penjaga.

3. Yuran & Tempoh Keahlian

- Yuran keahlian adalah sebanyak RM15 sahaja dengan imbalan para peserta akan menerima Kit Kids Book Club.
- Keahlian adalah sah sehingga ahli berusia 12 tahun.
- Keahlian tidak boleh dipindah milik kepada individu lain.
- Yuran yang telah dibayar tidak akan dipulangkan.

4. Pendaftaran Keahlian

- Pendaftaran perlu dibuat melalui platform yang ditetapkan oleh Kids Karang kraf.
- Semua maklumat yang diberikan mestilah tepat dan lengkap.
- Kids Karang kraf berhak menolak atau membatalkan keahlian sekiranya maklumat tidak sah atau meragukan.

5. Kelebihan Keahlian

Ahli Kids Book Club layak menerima:

- Diskaun khas ahli
- Akses awal buku dan acara terpilih Kids Karang kraf
- Penyertaan acara eksklusif komuniti
- Sijil dan ganjaran bagi aktiviti tertentu
- Penyertaan automatik dalam Cabaran Membaca Kids Karang kraf

6. Kit Kids Book Club

Kit Kids Book Club merangkumi:

- Beg eksklusif
- Jurnal bacaan
- Alat tulis
- Lencana keahlian (button badge)
- Senaskhah buku terbitan Kids Karang kraf

Kandungan kit tertakluk kepada stok dan pihak penganjur berhak membuat perubahan sekiranya perlu.



7. Aktiviti & Program

Program Kids Book Club boleh merangkumi pelbagai aktiviti yang bersesuaian menurut Kids Karang kraf seperti:

- Sesi membaca bersama (read aloud)
- Aktiviti berkaitan buku seperti mewarna, melukis dan bercerita
- Cabaran membaca dan tugas ringkas

Semua aktiviti tertakluk kepada perancangan semasa Kids Karang kraf.

8. Keselamatan & Tanggungjawab

- Ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan anak sepanjang program, sama ada secara fizikal atau dalam talian.
- Kids Karang kraf tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan atau insiden di luar kawalan penganjur.

9. Rakaman & Penggunaan Media

Dengan menyertai program ini, ibu bapa atau penjaga bersetuju bahawa:

- Gambar, video atau hasil aktiviti ahli boleh digunakan untuk tujuan dokumentasi, promosi dan pemasaran Kids Karang kraf.
- Identiti penuh kanak-kanak tidak akan didedahkan tanpa keperluan.

10. Etika Penyertaan

Semua ahli dan ibu bapa dikehendaki:

- Menjaga adab dan komunikasi yang baik
- Menghormati ahli komuniti lain
- Tidak memuat naik kandungan yang tidak sesuai atau bersifat negatif

11. Perubahan & Pembatalan

Kids Karang kraf berhak untuk:

- Mengubah terma & syarat, kandungan kit atau format program tanpa notis awal
- Membatalkan atau menangguhkan program sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan

12. Keputusan Penganjur

Semua keputusan yang dibuat oleh Kids Karang kraf adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.